

## SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

# RAPID KL SEMARAKKAN SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN DENGAN LANJUTAN PERKHIDMATAN REL DAN BAS

### **Sorotan utama:**

- *Pada malam Ambang Kemerdekaan:*
  - *Perkhidmatan bagi beberapa stesen LRT, MRT dan Monorel terpilih dilanjutkan sehingga jam 2.00 pagi*
  - *22 laluan Rapid Bas terpilih akan dilanjutkan operasi sehingga jam 2.00 pagi*
  - *Jumlah orang ramai dijangka meningkat sekitar KLCC. Penumpang diminta menggunakan stesen-stesen alternatif berhampiran iaitu stesen LRT/MRT Ampang Park & stesen MRT Persiaran KLCC*
- *Pada Hari Kebangsaan:*
  - *Semua perkhidmatan LRT, MRT dan Monorel akan memulakan operasi jam 4.00 pagi*
  - *101 laluan Rapid Bas akan beroperasi seawal jam 4.00 pagi*
- *Penumpang diminta guna kad Touch 'n Go bagi mengelak kesesakan*

**KUALA LUMPUR, 25 Ogos 2023** – Bersempena dengan sambutan Hari Kebangsaan 2023, perkhidmatan Rapid KL yang merangkumi perkhidmatan rel dan bas akan dilanjutkan bagi memberi kemudahan kepada warga kota yang ingin turut serta meraikan malam ambang kemerdekaan pada 30 Ogos dan juga Hari Kebangsaan pada 31 Ogos ini.

Bagi memastikan kelancaran perjalanan, pihak Rapid KL ingin mengingatkan penumpang-penumpang agar menggunakan kad Touch 'n Go dan memastikan baki kad adalah mencukupi.

Bagi tujuan keselamatan dan mengawal kesesakan yang dijangka meningkat pada malam ambang kemerdekaan dan juga pada Hari Kebangsaan, pihak Rapid KL akan memastikan jumlah pegawai dan juga anggota Polis Bantuan ditambah untuk membantu para penumpang.

### **Perkhidmatan Pada Malam Ambang Kemerdekaan – 30 Ogos 2023**

Pada malam 30 Ogos, perkhidmatan bagi beberapa stesen LRT, MRT dan Monorel terpilih akan dilanjutkan sehingga jam 2.00 pagi. Jumlah dan kekerapan tren akan dinilai dan diselaras berdasarkan pemantauan dan keperluan oleh pihak operasi.

Jumlah orang ramai di malam ambang kemerdekaan dijangka meningkat, terutama sekali di kawasan sekitar KLCC. Justeru, para penumpang diminta menggunakan stesen-stesen alternatif yang berhampiran iaitu stesen LRT/MRT Ampang Park dan stesen MRT Persiaran KLCC untuk mengelak kesesakan.

Berikut adalah senarai stesen-stesen rel yang dilanjutkan perkhidmatan sehingga jam 2.00 pagi: -

- Stesen KLCC (Laluan Kelana Jaya)
- Stesen Ampang Park (Laluan Kelana Jaya & Laluan Putrajaya)
- Stesen Persiaran KLCC (Laluan Putrajaya)
- Stesen Pasar Seni (Laluan Kelana Jaya & Laluan Kajang)
- Stesen Bukit Bintang (Laluan Kajang & Monorel)
- Stesen Masjid Jamek (Laluan Kelana Jaya & Ampang/Sri Petaling)

Stesen-stesen sambungan akan turut dilanjutkan waktu operasi bagi membawa penumpang ke destinasi akhir.

Stesen-stesen rel yang lain akan menamatkan operasi mengikut jadual biasa, namun penumpang masih boleh keluar di mana-mana stesen destinasi bagi meneruskan perjalanan.

Bagi perkhidmatan bas Rapid KL, 22 laluan terpilih yang berikut juga akan dilanjutkan operasi sehingga jam 2.00 pagi: -

No	No. Laluan	Dari	Ke
1	180	Taman Dato' Senu	Pasar Seni
2	190	Desa Sri Hartamas	Lin Ho Jalan Lekiu
3	302	Titivangsa	KLCC
4	254	Ayer Panas	Titivangsa melalui Chow Kit
5	780	Kota Damansara	Pasar Seni
6	772	Subang Suria Mah Sing	Pasar Seni
7	821	Pantai Hill Park	Pasar Seni
8	LRT10	Stesen LRT Masjid Jamek	Stesen LRT Bandaraya
9	400	Damai Perdana	Hab Lebu Pudu melalui Bukit Bintang
10	580	Desa Petaling	Hab Lebu Pudu melalui LRT Salak Selatan
11	650	Taman Desa	Pasar Seni
12	640	Hab Sri Manja	Pasar Seni
13	600	Puchong Utama	Pasar Seni
14	300	Pandan Indah	Lebu Ampang
15	303	Taman Mulia Jaya	Lebu Ampang
16	402	Terminal Maluri	Titivangsa
17	420	Pandan Indah	Menara Maybank melalui Bukit Bintang
18	421	Hentian Taman Dagang	Menara Maybank melalui Bukit Bintang
19	782	Hentian PJ Old Town	Pasar Seni
20	750	Hab Seksyen 2	Pasar Seni
21	751	Taman Sri Muda	Pasar Seni
22	770	Subang Mewah USJ 1	Pasar Seni

Laluan-laluan bas yang tidak tersenarai akan menamatkan pengoperasian seperti biasa.

### **Perkhidmatan Pada Hari Kebangsaan – 31 Ogos 2023**

Bagi memberi kemudahan pengangkutan warga kota pada Hari Kebangsaan, semua perkhidmatan LRT, MRT dan Monorel akan memulakan operasi lebih awal pada jam 4.00 pagi.

Bagi perkhidmatan bas, sebanyak 101 laluan bas akan beroperasi seawal 4.00 pagi. Sila rujuk laman sesawang Rapid KL untuk senarai laluan bas yang terlibat.

Selain itu, sebanyak 50 buah bas perantara percuma dari stesen MRT Putrajaya Sentral juga disediakan dan akan melibatkan empat (4) laluan. Maklumat laluan-laluan tersebut adalah seperti berikut: -

<b>No</b>	<b>No. Laluan</b>	<b>Dari</b>	<b>Ke</b>	<b>Masa</b>
1	MS01	MRT Putrajaya Sentral	Dataran Putrajaya	4.00 pagi – 2.00 petang
2	MS02	MRT Putrajaya Sentral	Nasyul Quran Presint 14	8.00 pagi – 7.00 malam
3	MS03	MRT Putrajaya Sentral	Marina Putrajaya	8.00 pagi – 7.00 malam

Perkhidmatan bas Nadiputra laluan MS04 di bawah kendalian Rapid KL akan turut beroperasi dari jam 4.00 pagi sehingga 2.00 petang. Laluan ini akan bermula dari Lobi Putrajaya International Convention Centre (PICC) ke Jalan Tun Hussein, Presint 3.

Terdapat juga laluan bas 451 dari Stesen MRT Kajang ke Stesen Putrajaya Sentral. Perkhidmatan ini akan berlepas setiap jam dari Stesen MRT Kajang bermula 5.30 pagi sehingga 1.30 petang dan dari Putrajaya Sentral dari 6.30 pagi sehingga 2.30 petang. Tambang bas adalah RM1.00.

Bersempena sambutan Hari Kebangsaan, laluan 451 ini hanya akan melalui Hentian Kajang, Jalan Tun Hussein Presint 3 dan berakhir di MRT Putrajaya Sentral.

-Tamat-